



## **KHUTBAH JUMAAT DI MASJID-MASJID NEGERI SELANGOR 6 JULAI 2007 "KEWAJIPAN MEMBAYAR HUTANG"**

("Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada tuhanNya".) Surah Al-Isra' ayat 27 Muslimin sidang jumaat yang berbahagia, Bertakwalah kepada Allah, dengan melakukan segala suruhannya dan jauhilah segala larangannya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan didunia dan mendapat kebaikan serta keredhaan diakhirat kelak. Kehidupan di zaman ini, banyak membawa cabaran kepada kita. Terutama dalam usaha memenuhi keperluan hidup dan melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Kita tidak mahu ketinggalan dalam mengecapi nikmat hidup seperti yang dinikmati oleh orang lain. Kita terpaksa berhutang, bagi mencapai tuntutan nafsu kita itu. Kita berhutang membeli rumah, kenderaan, perabot rumah dan lain-lain keperluan, termasuk pinjaman untuk melanjutkan pelajaran. Kadang-kadang kita tidak sempat memikirkan, samada kita mampu membayar atau pun tidak, kerana yang penting bagi kita ialah mendapatkan pinjaman. Soal bayaran, perkara kemudian. Sebagai contoh yang telah disiarkan dalam buletin statistik bulan Mac 2007 Bank Negara Malaysia menunjukkan, jumlah terkumpul pinjaman sewa beli kenderaan sahaja sehingga Mac 2007 hampir seratus bilion. Meningkat sebanyak ringgit Malaysia sepuluh bilion dari tahun sebelumnya. Ini kerana sebahagian besar golongan dewasa di Malaysia sudah memiliki kenderaan sendiri. Ini baru dikira kenderaan. Belum dikira hutang melalui kad kredit dan lain-lain lagi.



Muslimin yang berbahagia,

Islam tidak melarang seseorang itu berhutang, samada sedikit atau banyak. Cuma islam sangat mengambil berat dalam soal pembayaran hutang. Rasulullah S.A.W mengingatkan umatnya bahawa orang yang berhutang terikat dengan pembayaran yang mesti dijelaskan . Seseorang yang meninggal dunia, sedangkan dia masih menanggung hutang, rohnya akan tergantung-gantung sehinggalah dijelaskan hutangnya. Sepertimana sabda Rasulullah S.A.W: "Jiwa orang mukmin tergantung dengan hutangnya, (iaitu tidak dihukum kepadanya selamat atau sebaliknya) sehinggalah dia menjelaskan hutangnya". (Riwayat At-Tarmizi) Allah S.W.T memerintahkan supaya kita membuat perjanjian bertulis, dalam urusan hutang piutang, supaya jangan lalai untuk menjelaskannya". Firman Allah S.W.T: "Wahai orang-orang yang beriman , apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang (yang diberi tempoh) hingga kesuatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu"..... Surah Al-Baqarah ayat 282 . Muslimin yang mulia, Apabila seseorang itu berhutang, bermakna dia mula meletakkan belunggu dilehernya dan belunggu itu tidak dapat dilepaskan, kecuali hutang tersebut dibayar. Kalau tidak sempat dijelaskan ketika didunia ini, maka hutang tersebut akan terus dibawa kehari pengadilan diakhirat kelak. Ingatlah pesanan rasulullah s.a.w mengenai hal ini dengan sabdanya: "Dan jauhkanlah diri kamu dari hutang, kerana sesungguhnya awalnya adalah dukacita dan akhirnya pula adalah mengambil harta orang dengan tidak mengembalikannya". (Riwayat Al-Imam Malik) Antara perkara yang wajib disegerakan diatas dunia ini, selain menyegerakan pengemubian jenazah dan menyegerakan perkahwinan anak perempuan yang telah dipinang orang, maka hutang-piutang hendaklah segera dibayar. Rasulullah menyatakan, bahawa orang yang mati Syahid pun, tidak terkecuali daripada persoalan tentang hutang. Sabda baginda yang bermaksud : "Semua dosa orang yang mati Syahid diampuni, kecuali hutangnya". (Riwayat al-bahari,tarmizi,an-nisa' wa-ibnu majah).



Muslimin yang berbahagia,

Sesungguhnya melambat-lambatkan bayaran hutang, amatlah besar sekali akibatnya dalam kehidupan manusia. Mereka akan ditimpa kehinaan, hilang maruahnya, tidak mendapat keredhaan Allah S.W.T dan amal kebajikannya tidak diberkati. Mematuhi aku janji yang dibuat semasa berhutang sudah semestinya wajib ditunaikan. Mereka yang tidak menunaikan janji, bererti tergolong dalam perbuatan orang yang zalim. Allah S.W.T mengingatkan dengan firmannya: "Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian". Surah Al-Maidah ayat 1 Sabda Rasulullah S.A.W pula: "Penangguhan (hutang) oleh orang yang berkuasa membayar, adalah satu kezaliman". (Riwayat Ibnu Majah) Rasulullah S.A.W sangat prihatin terhadap umatnya yang berhutang. Dalam sunan Abu Daud daripada sahabat Abu Said Al-Hudri r.a telah berkata: Rasulullah S.A.W pada suatu hari masuk ke masjid madinah. Tiba-tiba kelihatan seorang daripada kaum ansor bernama abu umamah, maka rasulullah s.a.w bersabda: "Wahai Abu Umamah, mengapa saya lihat kamu duduk di masjid, lain dari waktu sembahyang?". Jawab Abu Umamah": "Berbagai kesedihan dan kegurasan telah menimpa saya disebabkan hutang-hutang saya". Hendakkah kamu saya ajarkan suatu perkataan, apabila kamu katakannya, nescaya Allah S.W.T akan menghilangkan kesedihan kamu. Dan Allah S.W.T melangsaikan hutang kamu?. Saya kata:"Bahkan ya rasulullah". Maka Rasulullah S.A.W. bersabda:" Hendaklah kamu katakan diwaktu pagi dan petang doa berikut:"Wahai tuhanku, sesungguhnya aku berlindung denganmu daripada perasaan ragu-ragu dan dukacita,aku berlindung denganmu daripada perasaan lemah dan malas. Aku berlindung denganmu daripada penakut dan kedekut. Aku berlindung denganmu daripada dibebani oleh hutang dang dikasari manusia". Kata Abu Umamah : " Saya buat apa yang diajarkan Rasulullah S.A.W. Maka Allah S.W.T menghilangkan perasaan sedih dan kebimbangan saya, dan allah s.w.t tunaikan hutang saya". (Riwayat Abu Daud) Demikianlah perhatiannya rasulullah tentang orang yang berhutang. Alangkah baiknya kalau doa ini kita amalkan setiap hari.



Sidang jumaat yang dihormati Allah,

Sesungguhnya amat besar kesalahannya sekiranya kita cuai menjelaskan hutang kita. Ia boleh mengakibatkan lenyapnya segala pahala amal kebaikan bahkan boleh mengheret kita ke neraka. Pernah Rasulullah S.A.W. enggan menyembahyangkan jenazah, apabila diketahui si mati masih berhutang. Sehingga Saidina Ali menjamin untuk membayarnya. Alangkah nikmatnya hidup ini, sekiranya kita dapat menunaikan bayaran hutang seperti yang telah dijanjikan. Alangkah berkatnya rezeki yang dikurniakan Allah S.W.T kepada kita, sekiranya kita tidak mengabaikan bayaran hutang atau pinjaman daripada pihak-pihak tertentu, walaupun dibayar secara beransur-ansur. Ya Allah, engkaulah tuhan yang maha berkuasa, kami bersyukur kehadiranmu yang telah mengurniakan kami ahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha kearah memperkukuhkan negara umat islam khususnya negeri selangor, sebagai negeri yang maju dan sejahtera. Justeru kami pohon kehadiranmu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budipekerti yang mulia, kembalikanlah generasi muda kami ke jalan yang engkau redhai, lindungilah kami daripada ujianmu yang berat seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

**Sumber: Laman Web Jabatan Agama Islam Selangor di [www.jais.net.my](http://www.jais.net.my)**